

## **APLIKASI MAQASID AL-QURAN TERHADAP PENTAFSIRAN AYAT TOLERANSI DALAM TAFSIR AL-AZHAR<sup>(\*)</sup>**

*(Application of Maqasid al-Quran to the Interpretation of Tolerance  
Verses in Tafsir al-Azhar)*

Muhammad Mukhlis Yunus<sup>1</sup> & M.Y. Zulkifli Mohd Yusoff<sup>2</sup>

### **ABSTRACT**

This study is aimed to identify the Maqasid al-Quran and its importance in understanding some verses with nuances of cultural diversity, namely verse 62 of surah al-Baqarah and verse 69 of surah al-Ma'idah for example. This study is also to analyze the Maqasid al-Quran on the interpretation of the verses that have been applied by HAMKA in Tafsir al-Azhar. The methodology of this study is in the form of text analysis and content analysis. While inductive, deductive and comparative approaches are used to analyze the data. The findings of this study revealed that Maqasid al-Quran has a role in the interpretation of verses that are nuanced cultural diversity. It also revealed that HAMKA has applied the classical and contemporary Maqasid al-Quran to the interpretation of verses that are nuanced cultural diversity in Tafsir al-Azhar. Nevertheless, the contemporary model of Maqasid al-Quran is more dominant than the classical, although both verses are related to faith in terms of its content. This study concludes that the application of Maqasid al-Quran to the interpretation of tolerance verses is more focused by people who wants to explain it. In terms of the implication of the study, a methodology of Tafsir Maqasidi has been developed and it can be used as a method of interpretation of the verses of tolerance.

**Keywords:** *HAMKA, Tafsir Al-Azhar, Maqasid, Verses, Tolerance*

---

<sup>(\*)</sup> This article was submitted on: 20/10/2021 and accepted for publication on: 17/12/2021.

<sup>1</sup> Muhammad Mukhlis Yunus, merupakan calon Ijazah Tinggi (PhD), Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur. Beliau boleh dihubungi melalui email: abumustaqim@gmail.com.my

<sup>2</sup> Zulkifli Mohd Yusoff (Dato'), PhD, merupakan Profesor di Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. Beliau boleh dihubungi melalui email: zulkifli@um.edu.my.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti *Maqasid al-Quran* dan kepentingannya dalam memahami beberapa ayat yang bernuansa kepelbagaian Budaya iaitu ayat 62 surah al-Baqarah dan 69 surah al-Ma'idah sebagai contohnya. Kajian ini juga untuk menganalisis *Maqasid al-Quran* terhadap pentafsiran ayat-ayat tersebut yang telah diaplikasi oleh HAMKA dalam Tafsir al-Azhar. Metodologi kajian ini adalah berbentuk analisis teks dan analisis kandungan. Manakala pendekatan induktif, deduktif dan komparatif digunakan untuk menganalisis data tersebut. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa *Maqasid al-Quran* mempunyai peranan dalam pentafsiran ayat-ayat yang bernuansa kepelbagaian budaya. Kajian ini juga mendapati bahawa HAMKA telah mengaplikasikan *Maqasid al-Quran* klasik dan kontemporari terhadap pentafsiran ayat-ayat yang bernuansa kepelbagaian budaya dalam Tafsir al-Azhar. Namun model *Maqasid al-Quran* kontemporari lebih dominan berbanding klasik walaupun kedua-dua ayat secara kandungannya berkaitan dengan keimanan. Kajian ini merumuskan bahawa aplikasi *Maqasid al-Quran* terhadap pentafsiran ayat-ayat toleransi lebih banyak diberi tumpuan oleh sesiapa yang ingin menjelaskannya. Implikasinya, kajian ini telah membangunkan satu metodologi *Tafsir Maqasidi* dan ia boleh dijadikan sebagai satu kaedah pentafsiran terhadap ayat-ayat toleransi.

**Kata Kunci:** *HAMKA, Tafsir Al-Azhar, Maqasid, Ayat, Toleransi*

### 1. Pendahuluan

Kepelbagaian budaya seperti mata pisau, boleh memberikan manfaat dan boleh mendatangkan mudarat pada masa yang sama. Semuanya bergantung kepada siapakah yang mengawalinya. Begitu juga dengan kepelbagaian budaya yang dapat dijadikan aset kepada kemakmuran, persatuan dan pembinaan peradaban namun pada masa yang sama mempunyai potensi untuk menjadi pemusnahnya jika tidak diuruskan dengan baik.

Dalam al-Quran, hakikat kewujudannya telah disebutkan dan di dalamnya telah dijelaskan panduan bagaimana cara untuk menguruskan kepelbagaian tersebut. Di antara panduan yang ditawarkan oleh al-Quran adalah membumikan sikap toleransi. HAMKA berkata bahawa sikap toleransi akan membawa kepada sikap berlapang dada terhadap perbezaan yang wujud terutamanya di antara pemeluk

agama.<sup>3</sup> Namun pertanyaannya adalah bagaimanakah sikap toleransi yang perlu diaplikasikan oleh setiap pemeluk agama menurut HAMKA dan apakah nilai-nilai yang dapat memenuhi sikap toleransi dan apakah impaknya? Untuk menjawab soal-soal tersebut, pengkaji menggunakan ilmu Maqasid al-Quran. Mengapa? Sebabnya adalah kerana kajian tentang *Maqasid al-Quran* merupakan isu lama yang hingga kini masih menjadi perhatian pemikir Muslim kontemporari. Bahkan tidak sedikit kajian seputar *Maqasid al-Quran* menjadi bahagian yang tidak terpisah dari kajian Maqasid al-Syari'ah kontemporari yang sejak akhir-akhir ini telah menjadi trend baru di dalam kajian al-Quran.<sup>4</sup> Ilmu ini sangat sesuai untuk digunakan bagi mengetahui *Maqasid al-Quran* pada ayat-ayat toleransi dan ayat yang akan dipilih oleh pengkaji adalah ayat 62 daripada surah al-Baqarah dan ayat 69 daripada surah al-Ma'idah.

## 2. Pengertian Maqasid Al-Quran Dari Aspek Bahasa

*Maqasid* kata plural daripada *al-qasid* yang bermaksud tetap lurus di jalan. Dikatakan *qasadtuhu* dan *qasduhu* bererti saya menuju ke arahnya. Daripada kata ini terbentuknya kata *al-iqtisad* (الإقتصاد) yang membawa maksud sederhana atau kesederhanaan.<sup>5</sup> Dalam Lisan al-'Arab kata *al-Qasdu* bermakna jalan yang lurus sebagaimana firman Allah SWT (وَعَلَى اللَّهِ فَصْلُ السَّبِيلِ). Maksudnya Allah menerangkan jalan yang lurus dan mengajak kepadanya dengan dalil dan hujah yang terang. *Tariq qasid* membawa maksud lurus dan mudah, manakala *safar qasid* membawa maksud perjalanan yang mudah dan dekat.<sup>6</sup> Kata *al-Qasdu* juga bermaksud keadilan.<sup>7</sup> Apabila kata ini disandarkan kepada perbuatan maka ia membawa maksud perbuatan yang pertengahan dan sederhana. Sebagaimana yang dijelaskan dalam firman Allah SWT: (واقصد في مشيك), maksudnya berjalan

<sup>3</sup> HAMKA. (1987). *Tafsir Al-Azhar*. (1<sup>st</sup> ed, vol. 6). Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, p. 1812.

<sup>4</sup> Ah. Fawaid. (2017) Maqasid Al-Qur'an Dalam Ayat Kebebasan Beragama Menurut Penafsiran Thaha Jabir Al-'Alwani. *Madania*, 21(2), 113–26.

<sup>5</sup> Al-Asfihani, Abi al-Qasim al-Husayn bin Muhammad al-Ragib. (2001). *Al-Mufradat Fi Garib Al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Ma'rifah, p. 405.

<sup>6</sup> Ibn Manzur, Muhammad bin Mukram bin 'Ali Jamal al-Din. (1993) *Lisan Al-'Arab*. (3<sup>rd</sup> ed, vol. 3). Beirut: Dar Sadir, p. 353.

<sup>7</sup> Abadiy, Majd al-Din Muhammad bin Ya'qub al-Fairuz. (2005) *Al-Mu'jam Al-Wasit*, (8<sup>th</sup> ed). Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

dalam keadaan tidak lambat dan tidak terlalu cepat.<sup>8</sup> Manakala pengertian al-Quran adalah kalam Allah SWT, diturunkan kepada Muhammad SAW dan wajib dibawa dalam solat dan mendapat ganjaran daripada Allah SWT ketika membacanya.<sup>9</sup> Secara bahasanya, *maqasid al-Quran* adalah tujuan al-Quran diturunkan untuk membawa manusia agar berada pada jalan yang lurus, bersikap sederhana dan berlaku adil.

### 3. Pengertian *Maqasid al-Quran* dari Aspek Istilah

Istilah *Maqasid al-Quran* belum dikenal oleh ulama klasik dalam istilahnya yang khusus akan tetapi istilah-istilah lain yang mempunyai kemiripan mengenainya telah dibincangkan seperti istilah '*Ulum al-Quran*, *Aqşam al-Quran* dan sebagainya.<sup>10</sup> Mengapa? Kerana perbincangannya mengandungi ilmu-ilmu yang digunakan untuk memahami ayat-ayat al-Quran secara universal. Abu Syuhbah mengatakan bahawa '*Ulum al-Quran* adalah ilmu yang membahas al-Quran daripada aspek penurunannya, tertibnya, penulisannya, pengumpulannya, qiraatnya, pentafsirannya, kemujizatannya, nasikh dan mansukh, muhkam dan mutasyabih dan sebagainya yang termasuk dalam pembahasan ilmu ini.<sup>11</sup> Begitu juga *Maqasid al-Quran* termasuk dalam sasaran yang ingin dicapai oleh ilmu-ilmu al-Quran. Dalam pengertian yang lain, *Maqasid al-Quran* yang secara bahasanya bermaksud tujuan dan matlamat al-Quran merupakan bahagian daripada objektif penguasaan disiplin ilmu al-Quran.

Istilah *Maqasid al-Quran* secara umum telah digunakan oleh ulama mufassirin ketika mentafsirkan ayat-ayat al-Quran. Antaranya menggunakan lafaz *al-Maqsud*, *Maqsud al-Ayat*, *al-Maqasid* atau *al-Maqasid al-Sahihah*, *al-Maqsud*, *Matalib al-Quran*, *al-Maqsad*, *Majmu'ah min al-Maqasid*, *maqasid al-Surah* atau

---

<sup>8</sup> 'Umar, Ahmad Mukhtar 'Abd al-Hamind. (2008) *Mu'jam Al-Lughah Al-'Arabiyyah Al-Mu'asarah*. (1<sup>st</sup> ed, vol. 3). Al-Riyadh: 'Alim al-Kutub, p. 1819.

<sup>9</sup> Muhammad bin Abdullah Daraz (2005) *Al-Naba' Al-'Azim*, ed. 'Abdul al-'Azim Ibrahim al-Mut'iniy. Beirut: Dal al-Qalam li al-Nasys wa al-Tauzi', p. 27.

<sup>10</sup> 'Awdah, Munzir Mazin. Al-Maqasid Al-Qura'aniyyah Fi Kutub Al-Tafsir, 14.

<sup>11</sup> Muhammad bin Muhammad bin Suwaylim Abu Syuhbah (2003) *Al-Madkhal Li Dirasah Al-Quran Al-Karim*. (2<sup>nd</sup> ed). Kaherah: Maktabah al-Sunnah, p. 26.

*al-Maqasid al-A'zam, midar al-Quran*,<sup>12</sup> dan sebagainya ketika menerangkan tujuan utama ayat ataupun surah.<sup>13</sup>

Semua bentuk lafaz sama ada dalam bentuk *Mufrad* atau *Jama'* yang digunakan oleh ulama mufassirin untuk menjelaskan tujuan ayat atau surah atau al-Quran hanya sebatas dalam aspek bahasa. Mereka belum lagi mengungkapkannya dalam bentuk istilah secara khusus terhadap *Maqasid al-Quran*.<sup>14</sup> Oleh itu, mereka tidak memberikan definisi *Maqasid al-Quran* secara spesifik, akan tetapi menyenaraikan tujuan-tujuan asas al-Quran. Antara ulama yang menyenaraikan tujuan-tujuan asas al-Quran dapat dilihat melalui jadual di bawah ini:

Bil	Tujuan-Tujuan Asas Al-Quran (Maqasid Al-Quran) Mengikut Ulama Klasik Dan Kontemporeri
1	<p>Abu Hamid Muhammad bin Muhammad Al-Ghazal (505 H)</p> <p>1. <i>Al-sawabiq wa al-usul al-muhimmah</i>, iaitu:            a) Menenal Allah yang Maha Esa, b) Jalan lurus yang wajib c) Hari akhirat dan hari kebangkitan</p> <p>2. <i>Rawadif wa al-Tawabu' al- mughnnyah al-Mutimmah</i> iaitu tujuan-tujuan tambahan atau pelengkap, kemudian menjelaskan satu persatu secara terperinci.            a) Mengetahui gambaran orang-orang yang beriman (orang-orang yang dicintai Allah, diijabah doanya) keadaannya serta tata cara untuk taat kepada Allah Ta'ala, b) Mengetahui gambaran orang-orang yang membangkang akan perintahNya dan c) Mengajarkan tata cara agar selalu berada di</p>

<sup>12</sup> Al-Razi, Abu 'Abdillah Muhammad bin 'Umar bin al-Hasan bin al-Husayn al-Timiy (1999) *Mafatih Al-Ghaib*. (vol. 20) Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy, p. 352. Menurut beliau midar al-Quran adalah Ketuhanan, kenabian, hari kebangkitan, qada' dan Qadar. Manakala al-Nisaburi, midar al-Quran adalah penetapan Tauhid, kenabian dan hari kebangkitan. Al-Nisaburiy, Nizam al-Din al-Hasan bin Muhamamd. (1995) *Ghara'ib Al-Quran Wa Raghab'ib Al-Furqan*, ed. Al-Syeikh Zakariya 'Umayrat, (1<sup>st</sup> ed, vol. 3). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, p. 117.

<sup>13</sup> 'Awdah, Munzir Mazin. (n.d.) *Al-Maqasid Al-Qura'aniyyah Fi Kutub Al-Tafsir*, p. 706-716.

<sup>14</sup> 'Awdah, Munzir Mazin, *Al-Maqasid Al-Qura'aniyyah Fi Kutub Al-Tafsir*, p. 717-718.

		jalan yang lurus dan mempersiapkan diri untuk kembali kehadapanNya
2	Fakhruddin Muhammad bin 'Umar Al-Razi (606 H)	<i>Ilahiyyat</i> (ketuhanan), <i>al-Nubuwwaat</i> (kenabian) dan <i>al-Ma'ad</i> (hari kebangkitan) serta <i>al-Qada'</i> dan <i>al-Qadar</i> .
3	Abu Ishaq Ibrahim bin Musa al-Shatibi (790 H)	Melalui <i>maqasid al-suwar al-makkiyyah</i> (tujuan-tujuan diturunkan surah-surah makkiyyah) yang dibahagikan kepada tiga poin utama iaitu <i>al-Wahdaniyyah</i> (Keesaan), <i>al-Nubuwwah</i> (kenabian), <i>al-Ba'th</i> (kebangkitan). Manakala <i>maqasid al-shari'ah</i> beliau mengklasifikasikannya kepada tiga iaitu <i>al-daruriyyat</i> , <i>al-hajiyat</i> , <i>al-tahsiniiyyat</i> .
4	Burhanuddin Abu al-Hasan Ibrahim bin 'Umar al-Biq'a'i. (885 H)	Mengambil kesimpulan melalui <i>maqasid suwar al-Quran</i> (tujuan asas surah-surah al-Quran) seperti dalam surah al-Ikhlash, di dalamnya mengandungi tiga asas utama al-Quran, iaitu: Tauhid yang mencakup tentang akidah, <i>al-Ahkam</i> yang mencakupi hukum-hukum kewajipan dan larangan). Ketiga, <i>al-Qasas</i> (kisah-kisah dalam al-Quran untuk diambil hikmah dan pelajaran).
5	Ahmad bin Abdurrahman Waliyullah al-Dahlawi (1176 H)	1. Ilmu <i>al-Ahkam</i> . 2. Ilmu <i>al-Jadal li al-Raddi 'ala al-Firaq al-Dallah</i> /ilmu al-kalam 3. Ilmu <i>al-'alam</i> ' iaitu ilmu Kosmologi 4. Ilmu <i>al-Tadzkir bi ayyamillahi Ta'ala</i> (Kisah tentang nikmat dan azab). 5. Ilmu <i>al-Tadzkir bi al-maut wa ma ba'dahu min al-Hasr wa al-Nasr</i> iaitu ilmu yang mengingatkan tentang kematian dan yang akan dihadapinya daripada hari kebangkitan dan hari perhimpunan.
6	Muhammad Abduh (1323 H)	1. Ketauhidan (mengesakan Tuhan) 2. Janji dan ancaman Allah SWT. 3. Ibadah sebagai sarana menghidupkan tauhid dalam hati dan menanamkannya dalam jiwa.

---

	<p>4. Jalan kebahagiaan dan cara menempuhnya.</p> <p>5. Kisah-kisah orang terdahulu baik yang taat dan yang melanggar aturanNya</p>
<p>7 Muhammad Rashid Rida (1355 H)</p>	<p>1. Menjelaskan tentang <i>arkan al-Din</i> (rukun-rukun agama) diantaranya yaitu <i>al-iman billah, aqidatu al-Ba'thu wa al-jaaza', al-'Amal al-Salih</i> (iman kepada Allah, percaya kepada hari kebangkitan dan pembalasan, dan juga amal kebajikan). 2. Menjelaskan tentang kenabian, wahyu serta tugas-tugas para Nabi dan Rasul. Menjelaskan bahwa Islam adalah agama yang benar sesuai dengan fitrah, rasional serta mencakupi banyak hal seperti pemikiran, ilmu, pelajaran/hikmah, fikih, kebebasan dan lainnya. 3. Menjelaskan hal-hal yang berkenaan dengan kemanusiaan yang harus diperbaiki, bermula dari individu, sosial kemasyarakatan, politik kenegaraan dengan satu kesatuan antara umat, tidak memandang ras, agama, Bahasa, keadilan, dan persaudaraan antara sesama manusia. 4. Menjelaskan tentang keistimewaan Islam dalam membebaskan kewajiban dan larangan kepada hambaNya. 5. Menjelaskan tentang hukum Islam tentang politik kenegaraan. 6. Menjelaskan tentang harta benda dan perbaikan dalam hal ekonomi. 7. Memperbaiki aturan perang dan menjaga dari kerusakan-kerusakan akibat peperangan. 8) Memberikan wanita hak-haknya. 9) Pembebasan budak.</p>
<p>8 Muhammad al-Tahir Ibnu Ashur (1392 H)</p>	<p>1. <i>Maqasid al-A'la</i> yang mencakup perbaikan individu, sosial dan kemakmuran.</p> <p>2. <i>Maqasid al-asliyyah</i> iaitu: <b>Satu</b>, memperbaiki akidah dan mengajarkan akidah yang benar. <b>Dua</b>, mendidik akhlak. <b>Tiga</b> menetapkan hukum syariat baik yang</p>

---

---

		<p>umum mahupun khusus. <b>Empat</b>, mengatur kehidupan umat (masyarakat) dan memelihara sistemnya. <b>Lima</b>, menyampaikan kisah-kisah dan informasi umat-umat terdahulu. <b>Enam</b>, mengajarkan hal-hal yang diperlukan ketika al-Quran diturunkan. <b>Tujuh</b>, nasihat, peringatan, dan khabar gembira. <b>Lapan</b>, kemukjizatan al-Quran.</p>
9	Taha al-Alwani (1935-2016)	<i>Al-Taubid</i> (ketauhidan), <i>al-Tazkiyah</i> (kesucian), <i>al-'Umran</i> (kesejahteraan dan kemakmuran)
10	Muhammad Al-Ghazali (1416 H)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Allah <i>al-Wahid</i> (Allah Tuhan yang satu).</li> <li>2. <i>Al-Kaun al-Da'i 'ala Khaliqih</i> (alam semesta sebagai dalil adanya wujud Pencipta).</li> <li>3. <i>Al-Qasas al-Qur'ani</i> (kisah-kisah dalam al-Quran).</li> <li>4. <i>Al-Ba'th wa al-Jaza'</i> (hari kebangkitan dan hari pembalasan).</li> <li>5. <i>Maydan al-Tarbiyah wa al-Tashri'</i> (medan pendidikan dan aturan syariat).</li> </ol>
11	Yusuf al-Qardawi	<p>Tujuh pokok utama al-Quran:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menjelaskan tentang pengukuhan akidah yang benar serta gambaran-gambaran tentang teologi, kenabian dan juga balasan.</li> <li>2. Ketetapan tentang kemuliaan manusia dan hak-haknya, khususnya orang-orang yang lemah di antara manusia.</li> <li>3. Mengarahkan manusia untuk beribadah kepada Allah dan taqwa kepadaNya.</li> <li>4. Menyeru untuk mensucikan jiwa.</li> <li>5. Membentuk keluarga harmoni, serta keadilan bagi wanita.</li> <li>6. Membangun kesatuan umat manusia.</li> <li>7. Mengajak manusia untuk tolong-menolong.</li> </ol>
12	Ahmad Al-Raysuni	<p>Lima tujuan asas al-Quran:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tujuan 'tauhid' mengesakan Allah dan ibadah kepadaNya.</li> <li>2. Menjelaskan tentang hidayah agama dan dunia bagi hambaNya.</li> <li>3. <i>Al-Tazkiyah</i> (kesucian jiwa) dan mengajarkan</li> </ol>

---



		hikmah. 4. <i>Al-Rahmah wa al-Sa'adah</i> (kasih sayang dan kebahagiaan). 5. <i>Iqamatu al-Haq wa al-'Adl</i> , (menegakkan kebenaran dan keadilan).
13	Said Nursi	Empat bahagian iaitu: 1. <i>Al-Tauhid</i> di mana hal ini sama halnya dengan <i>al-Ilahiyyat</i> . 2. <i>Al-Nubuwwah</i> (kenabian). 3. <i>Al-Hashr</i> yang sama dengan <i>al-Ma'ad</i> iaitu hari kebangkitan, hari akhir dan hari kemudian. 4. <i>Al-'Adalah</i>
14	'Abd al-Karim al-Hamidiy	Diklasifikasikan kepada tujuh iaitu perbaikan akidah, pemikiran, sosial, syariat, harta, politik dan perang.


Jadual 1: Perkembangan isu perbincangan Maqasid al-Quran

Jadual di atas menunjukkan bahawa ulama telah mengambil perhatian yang serius berkenaan dengan *Maqasid al-Quran* dan didapati juga wujud perkembangan cara ulama membahasnya iaitu daripada fokus perbincangannya seputar isu-isu teologi seperti ketauhidan, hari kebangkitan, qada dan qadar, kenabian, pahala dan seksaan telah bergeser kepada isu-isu yang membincangkan tentang humanistik.<sup>15</sup> Contohnya membincangkan tentang hubungan ketauhidan dengan alam dan kemakmuran, sosial dan kebebasan, pendidikan dan sebagainya. Hal ini dapat dilihat pada senarai perbincangan asas utama al-Quran yang dibahas oleh M. Rasyed Reda, Ibn 'Asyur dan tokoh-tokoh lainnya. Bagi pengkaji, pergeseran yang berlaku daripada teologi kepada humanistik merupakan perluasan terhadap perbincangan teologi dan kedua-duanya tidak terpisah bahkan tidak boleh terpisah. Pergeseran tersebut berlaku kerana disesuaikan dengan tuntutan zaman. Perluasan perbincangan tersebut dapat dilihat dari isi *Maqasid al-Quran* yang disenaraikan oleh para sarjana moden dan kontemporari yang tidak pernah melepaskan perbincangannya tentang teologi. Tauhid merupakan intipati pesan risalah seluruh Rasul Allah dan puncak kebenaran. Tauhid menjadi poros utama dan menjadi spirit utama dan pesan seluruh Nabi.<sup>16</sup> Maknanya, walaupun isi perbincangannya berhubungan dengan humanistik namun mesti terikat dengan tauhid. Tanpa tauhid, humanistik yang

<sup>15</sup> Tazul Islam (2012) The Concept of 'Maqasid Al-Qur'an': Its Genesis And Developments, in *Proceedings: The 2nd Annual International Qur'anic Conference 2012* (Kuala Lumpur: Center of Qur'anic Research (CQR)), 9–24.

<sup>16</sup> Fawaid (n.d) Maqasid Al-Qur'an Dalam Ayat Kebebasan Beragama Menurut Penafsiran Thaha Jabir Al-'Alwani.

dibincangkan akan kering, bahkan tidak akan memenuhi kehendak *Maqasid al-Quran* itu sendiri iaitu bagaimana manusia menjadi golongan yang *muqtasidin* sebagaimana tuntutan katanya di dalam al-Quran. Dengan lebih jelasnya dapat dilihat dari isi *Maqasid al-Quran* yang disebutkan oleh Thaha Jabir al-Alwani iaitu *tauhid* (Keesaan), *tazkiyah* (penyucian) dan *'umran* (kemakmuran).<sup>17</sup> Ketiga-tiganya menjadi bahagian dari sebuah gambaran utuh<sup>18</sup> yang tidak terpisahkan.



Jadual 2: Maqasid al-Quran Menurut Thaha Jabir al-Alwani

*Maqasid al-Quran* telah diberikan pengertiannya oleh beberapa sarjana moden dan kontemporeri yang sebelumnya hanya membincangkan tentang kandungannya. Definisi ini telah berlaku selepas terdapat beberapa kajian oleh para sarjana, contohnya Abdul Karim Hamidiy. Beliau mengatakan bahawa *Maqasid al-Quran* adalah tujuan-tujuan penurunan al-Quran untuk merealisasikan kemaslahatan hamba-hambanya, sekarang dan untuk masa depannya.<sup>19</sup> Terdapat juga beberapa definisi yang diberikan oleh sarjana lain iaitu:

1. Ali al-Bashar al-Faky al-Tijani dalam makalahnya mengemukakan bahawa *maqasid al-Quran* adalah satu ilmu yang pembahasannya

<sup>17</sup> Thaha Jabir al-Alwaniy (2003) *Qadaya Islamiyyah Mu'asarah: Al-Tawhid Wa Al-Tazkiyyah Wa Al-'Umran*. Beirut: Dar al-Hadiy, p. 97-99.

<sup>18</sup> Abdul Mufid. (2019) *Maqasid Al-Qur'an Perspektif Muhammad Al-Ghazali. Al-Bayan: Studi Al-Qur'an Dan Tafsir*, 4(2), p. 18-32.

<sup>19</sup> Abdul Karim Hamidi. (2008) *Maqasid al-Quran min Tashri' al-Ahkam*. Beirut: Dar Ibnu Hazm, p. 29. Lihat 'Awdah, Munzir Mazin, p. 703. Naswhan Abdo K. Qaid & Radwan J. el-Atrash. (2013). *Al-Tafsir Al-Maqasidiy: Isykaliyyah Al-Ta'rif Wa Al-Khasa'is*. QURANICA - International Journal of Quranic Research. 5(3). 129-44.

- ditujukan untuk mengetahui tentang maksud Allah dari turunya al-Quran al-Karim.<sup>20</sup>
2. Menurut pendapat Jasser Auda, *Maqasid al-Quran* adalah tujuan-tujuan atau maksud-maksud yang terkandung di sebalik apa yang menjadi ketentuan Al-Quran.<sup>21</sup> Definisi di atas bersifat universal yang mencakupi keseluruhan *maqasid* atau tujuan al-Quran termasuk juga tujuan syariat diturunkan.
  3. Nashwan Abdo K. Qaid & Radwan J. el-Atrash berpendapat bahwa *Maqasid al-Qur'an* adalah rahsia-rahsia, hikmah dan matlamat yang diturunkan oleh Allah untuk direalisasikan sehingga dapat memberi kemaslahatan dan menolak *mafasiid* (kerusakan).<sup>22</sup>

Keempat-empat definisi ini mengandungi dua dimensi, tujuan dan dimensi alat atau instrumen. Pada dimensi tujuan maka hakikatnya adalah kewujudannya yang sedia ada di dalam al-Quran maka memerlukan usaha-usaha sehingga kewujudannya terserlah dan *maqasid* merupakan hasil ijtihad<sup>23</sup> ulama dalam menzahirkannya. Sedangkan dimensi kedua berupa alat atau instrumen iaitu salah satu disiplin ilmu sebagaimana yang disebutkan oleh 'Ali al-Basyar. Seandainya dikategorikan sebagai disiplin ilmu maka ia termasuk dalam satu disiplin ilmu daripada ilmu-ilmu al-Quran kerana kesamaan tugas. Namun begitu ikatan keduanya sangat erat kerana untuk mengeluarkan *Maqasid al-Quran* perlu kepada usaha dan usaha tersebut mesti ditopang dengan ilmu dan itulah ilmu *Maqasid al-Quran*. Ilmu ini juga tidak boleh berdiri dengan sendirinya tetapi memerlukan kepada ilmu-ilmu lain kerana keterikatannya seperti ilmu makkiyyah dan madaniyyah, ilmu asbab al-Nuzul, munasabat ayat atau surah dan sebagainya. Contohnya adalah al-Imam al-Biqai'i yang mengeluarkan *Maqasid al-Quran* melalui ilmu munasabat. Berbagai definisi di atas juga sesuai dengan definisi *al-Maqasid* dari aspek bahasa dan sesuai dengan dominan pengertiannya di dalam al-Quran iaitu memastikan tujuan ayat al-Quran diturunkan dapat menjadikan manusia terus berada di atas jalan yang dikehendaki oleh Allah sehingga mencapai satu matlamat iaitu termasuk dalam golongan *al-muqtasidun*.

---

<sup>20</sup> Ummu Salamah. (2019) *Maqasid Al-Quran Perspektif Badi' Al-Zaman Sa'id Al-Nursi*. Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya, p. 27.

<sup>21</sup> Ibid

<sup>22</sup> Naswhan Abdo K. Qaid & Radwan J. el-Atrash. *Al-Tafsir Al-Maqasidiy: Isykaliiyyah Al-Ta'rif Wa Al-Khasa'is*, p.129-44.

<sup>23</sup> Ijtihad di sini tidak bermaksud dari aspek hukum tetapi pendapat atau intinbat yang dikeluarkan oleh seorang ulama untuk menentukan tujuan pokok al-Quran.

#### 4. Maqasid al-Quran, Maqasid Syariah dan Ulum al-Quran

Ketiga-tiganya mempunyai hubungan dan saling melengkapi. *Maqasid al-Quran* lebih umum berbanding *Maqasid Syariah* kerana *Maqasid Syariah* bahagian dari *Maqasid al-Quran*. Perbincangan *Maqasid al-Syariah* termasuk dalam perbincangan *Maqasid al-Quran* dan perbincangan *Maqasid al-Quran* tidak semestinya membincangkan tentang *Maqasid Syariah*. Mengapakah demikian? Kerana dua sebab:

Pertama, pembahasan *Maqasid al-Syari'ah* berkenaan dengan hukum-hakam yang berkaitan dengan taklif manakala *Maqasid al-Quran* mencakupi hukum yang dibincangkan dalam *Maqasid Syariah* dan juga membahas isu-isu lainnya seperti tentang tamadun, akhlak, pendidikan dan sebagainya. Kedua, ruang lingkup perbincangan *Maqasid al-Syariah* adalah individu Muslim atau golongan Muslim, manakala *Maqasid al-Quran* ruang lingkungannya luas yang bukan hanya untuk Muslim tetapi untuk kemanusiaan sejagat.<sup>24</sup>

Manakala 'Ulum al-Quran merupakan disiplin ilmu yang mesti dikuasai oleh sarjana yang mahu mengkaji *maqasid al-Syariah* dan mengetahui *Maqasid al-Quran*. Bahkan ilmu yang menjadi instrumen dalam membahas *Maqasid al-Syariah* juga dibincangkan dalam ulum al-Quran seperti Am dan Khas, mutlak dan muqayyad dan sebagainya. Manakala *Maqasid al-Quran* hanya dapat dicapai melalui disiplin ilmu yang terdapat di dalam 'Ulum al-Quran.

#### 5. HAMKA: Intelektual Muslim Kontemporari Yang Prolifik

HAMKA adalah nama singkatan Haji 'Abdul Malik Karim Amrullah. Lahir di Maninjau, Sumatera Barat, 16 Februari 1908 dan wafat di Jakarta, 24 Juli 1981 pada usia 73 tahun. Beliau dikenal sebagai seorang tokoh dan pengarang (pujangga) Islam.<sup>25</sup> Keilmuannya dalam Islam diakui dunia internasional sehingga kemudian mendapat gelar kehormatan dari Universitas Al-Azhar (1955) dan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (1976).<sup>26</sup> Gelaran kehormatan dari Universiti al-Azhar kerana telah menghadiri konferensi Islam di Lahore (1958) sebagai memenuhi jempunan Universiti Al-Azhar Kairo untuk memberikan ceramah tentang pengaruh Muhammad Abduh di Indonesia. Ceramah tersebut

---

<sup>24</sup> Muhammad bin Mustafa bin 'Ali Mansur. (2020) *Maqasid Al-Quran Fi Al-Tafsir - Basa'ir Dhawi Al-Tamyiz Fi Lata'if Al-Kitab Al-'Aziz*. *Journals. Ekb. Eg.* 290.

<sup>25</sup> M Munawan. (2018). Critical Discourse Analysis Dalam Kajian Tafsir Al-Quran: Studi Tafsir Al-Azhar Karya HAMKA. *TAJDID*, 25(2), 70-155.

<sup>26</sup> Afif HAMKA, *Buya HAMKA* (Jakarta: UHAMKA Press, 2017), 14.

menghasilkan gelar Doktor Honoris Causa bagi HAMKA.<sup>27</sup> Pada tahun 1964-1966, HAMKA telah dipenjara oleh Presiden Soekarno kerana beliau banyak mengkritik beberapa kebijakan pemerintah. Kritikan tersebut hasil dari tindakan Presiden Soekarno yang telah membubarkan Dewan Konstituante yang didirikan oleh beliau, M. Natsir dan rakan-rakannya pada 5 Juli 1959. Pada tahun 1977, selepas dibebaskan dari penjara, beliau telah terpilih sebagai ketua umum Majelis Ulama Indonesia yang pertama. Jawatan tersebut dipikulnya hingga pertengahan 1981.<sup>28</sup> HAMKA melepaskan jawatannya dari ketua umum Majelis Ulama Indonesia (MUI) kerana fatwanya yang mengharamkan mengikuti perayaan ‘Natal bersama’ tidak dipersetujui oleh pemerintah.<sup>29</sup>

HAMKA banyak sekali menulis buku tentang Islam, seluruhnya ratusan judul. Karya yang dihasilkan pun tidak tertuju kepada satu disiplin ilmu sahaja, tetapi juga menjangkau berbagai disiplin ilmu seperti teologi, tasawuf, filsafat, pendidikan Islam, sejarah Islam, fikih, sastera hingga tafsir. Menurut James Rush, tulisan HAMKA mencapai jumlah 115 judul dalam berbagai disiplin ilmu.<sup>30</sup> Menurut kajian Zawiyah Baba & Zuraidah Hassan, sebanyak 70% karya HAMKA terdapat dalam koleksi PNM (Perpustakaan Negara Malaysia) yang diterbitkan di Malaysia atau bilangan bukunya sebanyak 157 yang mencakupi 91 judul. Buku yang dikenalpasti adalah terdiri dari yang ditulisnya sendiri dan penulis lain. Bidang yang paling tinggi bilangannya adalah bidang agama Islam iaitu sebanyak 40.7 % atau 37 judul.<sup>31</sup>

No	Bidang	Bilangan (Buku)	Peratus
1	Biografi/Autografi	29	31.9
2	Sastera	13	14.3
3	Agama Islam	37	40.7
4	Politik	4	4.4
5	sejarah	7	7.7

<sup>27</sup> Muhammad Wahyudi (2019) Kepemimpinan Non-Muslim: Penafsiran Surat Al-Maidah Ayat 51 Dalam Tafsir Al-Azhar Dan Tafsir Al-Mishbah. *Progresiva: Jurnal Pemikiran Dan Pendidikan Islam*, 7(2), <https://doi.org/10.22219/progresiva.v7i2.13980>.

<sup>28</sup> Ibid

<sup>29</sup> Moh Mufis Muwafiq. (2019). Penafsiran HAMKA Tentang Ayat Kemajemukan Dalam Tafsir Al-Azhar. *Mutawâtir: Jurnal Keilmuan Tafsir Hadis*. 9(1), 24-109.

<sup>30</sup> Bukhori A.Shomad (2013) Tafsir Al-Qur’an & Dinamika Sosial Politik (Studi Terhadap Tafsir Al-Azhar Karya HAMKA. *Jurnal TAPIS*, 9(2), 86-100.

<sup>31</sup> Zawiyah Baba & Zuraidah Hassan. (2014). Analisis Bibliografi Karya HAMKA Dalam Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 2(1) ,93-101.

6	undang-undang/Adat	1	1.1
<b>Jumlah</b>		91	100

Jadual: 3 Jenis dan Bidang Penulisan<sup>32</sup>

*Magnum opus* karyanya adalah Tafsir al-Azhar. Sebahagian besar pentafsirannya dilakukan dalam penjara, yang pada awalnya merupakan kumpulan dari kuliah subuh yang disampaikan di Masjid Al-Azhar Kebayoran Baru dan dipublikasikan dalam majalah Panji Masyarakat.<sup>33</sup> Pada tahun 1975 Tafsir al-Azhar dapat disempurnakan oleh HAMKA sebanyak tiga puluh jilid.<sup>34</sup>

Tafsir al-Azhar HAMKA mengikut kategori Howard M. Federspiel termasuk dalam tafsir generasi ketiga, iaitu tafsir yang bertujuan untuk memberikan penjelasan yang komprehensif tentang firman Allah, dan kerana berisi materi yang berkaitan dengan teks dan metodologi dalam menganalisis tafsir. Dari segi metode, tafsir al-Azhâr dapat dikategorikan sebagai tafsir *tablili*. Beliau mengatakan lagi bahawa sekian banyak Tafsir di Nusantara, hanya Tafsir al-Azhar yang membincangkan konteks sejarah ayat-ayat al-Quran dan kaitannya dengan peristiwa kontemporari. Oleh karena itu, dalam Tafsir al-Azhar, HAMKA telah menunjukkan keluasan ilmunya di hampir semua disiplin ilmu agama Islam mahupun bukan agama.<sup>35</sup> Tafsir al-Azhar terlihat dengan jelas bercorak *adabi ijtimai* atau memiliki corak sastera kemasyarakatan yang menitikberatkan pada penjelasan ayat-ayat al-Quran dari segi ketelitian redaksinya, kemudian menyusun kandungan al-Quran dalam sebuah redaksi yang indah dengan menonjolkan aspek petunjuk al-Quran bagi kehidupan, serta mengaitkan pengertian ayat-ayat dengan hukum alam (*sunnatullah*) yang berlaku dalam masyarakat.<sup>36</sup> Beliau telah menyatakan bahawa pentafsirannya tersebut telah dipengaruhi oleh beberapa ulama tafsir, iaitu Tafsir *Al-Manar*, *Tafsir al-Maraghi*, *al-Qasimi* dan *Fi Zhilal al-Quran*.<sup>37</sup>

<sup>32</sup> Ibid.

<sup>33</sup> Suharjianto Imron Al Faruq (2019) Kepemimpinan Non-Muslim Dalam Tafsir Al Azhar Karya Buya HAMKA. *SUHUF*, 31(1), 75–88.

<sup>34</sup> Ratnah Umar. (2015) Tafsir Al-Azhar (Metode Dan Corak Penafsirannya. *Jurnal Al-Asas*, 3(1), 22.

<sup>35</sup> Ilyas Daud. (2020) Quranic Exegesis As Social Criticism: The Case of Tafsir Al-Azhar *ULUL ALBAB Jurnal Studi Islam*. 21(1), 24.

<sup>36</sup> Moh Mufis Muwafiq, Penafsiran HAMKA Tentang Ayat Kemajemukan Dalam Tafsir Al-Azhar, 114.

<sup>37</sup> Munawan, Critical Discourse Analysis Dalam Kajian Tafsir Alquran : Studi Tafsir Al-Azhar Karya HAMKA.


### 6. *Maqasid al-Quran* HAMKA dalam Mentafsirkan Ayat Toleransi

Ayat yang akan dikemukakan yang termasuk di dalam ayat kepelbagaian budaya adalah surah al-Baqarah ayat 62 dan surah al-Ma`idah ayat 69. Kedua-dua surah ini mempunyai beberapa kemiripan.

Pertama, surah ini termasuk di antara surah-surah Madaniyyah iaitu surah yang diturunkan selepas Rasulullah SAW berhijrah ke Madinah sebagaimana salah satu definisinya iaitu surah atau ayat yang diturunkan selepas Rasulullah berhijrah walaupun turunnya di Makkah.<sup>38</sup> Bagi HAMKA, beliau tidak memberikan definisi bagi surah Madaniyyah tetapi lebih kepada mengemukakan ciri-ciri khusus bagi ayat-ayat Madaniyyah dan hal tersebut dapat kita lihat daripada pernyataannya:

“Ayat-ayat yang diturunkan di Madinah, di sana mulailah kita bertemu dengan hukum-hukum fikah, peraturan dan segala yang bertalian dengan negara dan kemasyarakatan. Di Madinah bermula diterangkan hukum-hukum dan undang-undang yang mengenai peperangan, tentang gabungan di antara kekuasaan negara dengan kekuasaan negara lain, peraturan-peraturan mengenai perjanjian dan perdamaian, urusan suami isteri dan pembinaan rumah tangga, mengenai nikah, talak dan rujuk, peraturan tentang pewarisan, dan membangun masyarakat yang adil dan makmur, dengan adanya peraturan zakat dan haji, dan urusan-urusan lain yang semuanya bersendikan persamaan derajat dan adil.”<sup>39</sup>

Daripada pernyataan di atas, beliau telah mengklasifikasikan ciri-ciri khusus Madaniyyah kepada empat, iaitu tentang hukum fikah dan undang yang berkaitan dengan individu, keluarga, masyarakat dan negara. Hal tersebut dapat dilihat daripada jadual di bawah ini:



<sup>38</sup> Subhi Saleh. (2011). *Mabahith Fi 'Ulum Al-Quran*. Beirut: Dar al-'Ilmu li al-Malayin, p. 168.

<sup>39</sup> HAMKA. (1987). *Tafsir Al-Azhar*. (1<sup>st</sup> ed, vol. 1). Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, p. 7-8.

#### Jadual 4: Ciri-ciri surah/Ayat Madaniyyah Menurut HAMKA

Kedua adalah persamaan dari pengulangan ayat al-Quran. Hanya sahaja perbezaan berlaku di antara kedua-duanya dari sisi struktur atau susunan ayat. Pada surah al-Baqarah penyebutan *al-Sabi`in* berada selepas kata *Hadu* dan *al-Nasara*. Manakala dalam surah al-Ma`idah kata *al-sabi`in* bertukar kepada *al-sabi`un* dan terletak di antara kata *Hadu* dan *al-Nasara*. Teks kedua-dua ayat tersebut sebagai berikut:

Satu: Firman Allah SWT,

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَادُوا وَالصَّابِئِينَ وَالنَّصَارَى وَالصَّبِئِينَ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَعَمِلَ صَالِحًا فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ

*“Sesungguhnya orang-orang yang beriman, dan orang-orang Yahudi dan orang-orang Nasora (Nasrani), dan orang-orang Saabien sesiapa di antara mereka itu beriman kepada Allah dan (beriman kepada) hari akhirat serta beramal soleh, maka bagi mereka pahala balasannya di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) kepada mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.”*

(Al-Baqarah: 62)

Dua: Firman Allah SWT,

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَادُوا وَالصَّابِئُونَ وَالنَّصَارَى مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَعَمِلَ صَالِحًا فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ

*“Sesungguhnya orang-orang yang beriman, dan orang-orang Yahudi, dan orang-orang Saabiein, dan orang-orang Nasrani - sesiapa sahaja di antara mereka yang beriman kepada Allah (dan segala RasulNya meliputi Nabi Muhammad s.a.w) dan (beriman kepada) hari akhirat serta beramal soleh, maka tidaklah ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.”*

(Al-Ma`idah: 69)

Menurut HAMKA, kedua-dua ayat ini digolongkan dalam ayat yang membawa mesej toleransi. Pandangan beliau ini dapat dilihat daripada kata toleransi yang



diletakkan sebagai tema utama pada pentafsiran surah al-Ma'idah ayat 69.<sup>40</sup> Peletakkan tema tersebut sangat sesuai dengan roh surah *Madaniyyah* dan bertepatan dengan salah satu ciri-ciri khusus surah atau ayat *Madaniyyah* yang telah dikemukakan oleh beliau daripada aspek sosial atau masyarakat. Masyarakat yang damai dan makmur perlu dibina di atas sikap kesetaraan darjat dan toleransi. Apakah pemikiran HAMKA terhadap sikap toleransi melalui kedua-dua ayat tersebut? Sebelum melakukan analisis pemikiran HAMKA terhadap nilai-nilai toleransi yang ada pada kedua-dua surah tersebut, pengkaji akan melihat pentafsiran daripada dua sumber HAMKA yang sangat mempengaruhi pentafsirannya iaitu pentafsiran Rasyed Redha dan Sayyid Qutb.

## 7. Pentafsiran Rashed Redha dan Sayyid Qutb

Dalam Tafsir al-Manar, Rasyed Reda menjelaskan bahawa kedua-dua ayat ini menerangkan tentang keadilan Allah SWT sehingga Dia mahu memberikan keadilan yang sama kepada semua agama di mana apabila semua pemeluk agama beriman kepada Allah SWT dengan keimanan yang benar (sahihan), beriman kepada hari akhirat dan beramal soleh sehingga dirinya menjadi baik dan baik kepada sesiapa yang bersama dengannya maka mereka akan mendapat ganjaran daripada Allah SWT sebagaimana yang dikhabarkan oleh lisan nabi mereka.<sup>41</sup> Begitu juga, beliau menjelaskan bahawa kedua-dua ayat ini merupakan teguran kepada mereka yang berbangga dengan nama agama (*jinsiyyah al-diniyyah*), sehingga beliau mengatakan bahawa tidak ada kemenangan bagi mereka yang memiliki sikap seperti itu kerana kejayaan hanya dengan keimanan yang sah dalam diri dan beramal soleh kerana ia akan menjadi faktor perbaikan manusia. Beliau memberikan hujahnya dengan mengatakan bahawa Allah SWT menafikan hanya menilai berdasarkan angan-angan orang Islam dan angan-angan Ahli Kitab kerana penilaian hanya berdasarkan amal soleh yang diiringi dengan keimanan yang sah. Pernyataan beliau berdasarkan kepada dua dalil iaitu dalil daripada penurunan ayat dan hadis Nabi SAW.

Hujah pertama iaitu bersandarkan kepada sebuah athar yang diriwayatkan oleh Ibn Jarir dan Ibn Abi Hatim daripada al-Suddiy berkata: "Orang Islam, Yahudi dan Nasrani telah berhimpun. Lalu Yahudi berkata kepada orang Islam: "Kami ini lebih baik dari kamu kerana agama kami datang sebelum agama kamu dan kitab kami turun dahulu dari kitab kamu, dan Nabi kami datang sebelum Nabi Kamu, kami berada di atas agama Nabi Ibrahim dan tidak

---

<sup>40</sup> HAMKA, (vol. 2), p. 1809.

<sup>41</sup> Reda, Muhammad Rasyed. (t.t.). *Tafsir Al-Manar* (2<sup>nd</sup> ed, vol. 1). Damsyik: Dar al-Fikr li Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi', p. 335-336.

akan masuk syurga melainkan sesiapa yang beragama yahudi. Begitu juga dengan kata-kata orang Nasrani. Orang Islam pula menjawab: “Kitab kami turun selepas kitab kamu, Nabi kami Muhammad SAW datang selepas Nabi kamu, agama kami datang selepas agama kamu dan kamu semua diperintahkan untuk mengikuti kami dan meninggalkan apa yang kamu Yakini, oleh itu kami lebih baik dari kamu. Kami juga di atas agama Ibrahim, Isma`il, dan Ishaq sehingga tidak akan masuk dalam syurga melainkan sesiapa yang berada di atas agama kami. Maka turunlah firman Allah SWT dalam surah al-Nisa’: 123 (yang bermaksud):

(Balasan yang baik yang dijanjikan oleh Allah itu) tidak akan didapati hanya dengan angan-angan kamu semata-mata, dan tidak pula dengan angan-angan ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani). Sesiapa yang melakukan kejahatan, ia akan dibalas dengan kejahatan itu, dan ia pula tidak akan mendapat - selain dari Allah - seorang pun yang akan melindunginya, dan tidak ada juga yang dapat menolongnya.”<sup>42</sup>

Hujah kedua, hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam kitab Tarikh daripada Anas secara *marfu*: “Keimanan itu tidak dengan angan-angan tetapi apa yang ikrarkan dalam hati dan dibenarkan dengan perbuatan. Sesungguhnya satu kaum yang dilalaikan oleh angan-angan keampunan sehingga dia keluar daripada dunia (selepas mati) dengan tidak ada kebaikan baginya, lalu berkata: “Selama ini kami bersangka baik dengan Allah SWT, padahal mereka adalah pendusta. Jikalau mereka bersangka baik dengan Allah pasti mereka akan mengerjakan kebaikan.”<sup>43</sup>

Manakala Sayyid Qutb mengatakan bahawa kedua-dua ayat tersebut merupakan pendustaan terhadap dakwaan-dakwaan orang Yahudi iaitu dakwaan bahawa mereka sahaja umat yang mendapat hidayah, umat terpilih, hanya umat yang mendapat pahala dari Allah dan hanya mereka yang berhak mendapat limpah kurnia Allah tanpa dikongsi oleh umat lain. Padahal mereka adalah umat yang sangat ingkar dan suka membuat penindasan bahkan telah banyak membunuh para Nabi dan Rasul.<sup>44</sup> Menurut beliau terdapat dasar umum yang terkandung pada kedua-dua ayat ini iaitu: Pertama, meletakkan dasar umum yang tersirat dalam kisah-kisah al-Quran iaitu dasar kesatuan dan persamaan iman atau kesatuan dan persamaan akidah. Kata beliau, akidah yang membawa

---

<sup>42</sup> Surah al-Nisa’: 123

<sup>43</sup> Reda, *Tafsir Al-Manar*. (vol. 1), p. 337.

<sup>44</sup> Qutb, Sayyid. (2000) *Fi Zilal Al-Quran*. (1<sup>st</sup> ed, vol. 1). Kuala Lumpur: Penerbitan Warisan Sdn Bhd, p. 156.

kepada penyerahan diri kepada Allah dan beriman kepadaNya dengan keimanan yang kukuh maka akan terbit amalan-amalan yang soleh. Kedua, limpah kurnia Allah bukan untuk milik satu kaum dan kumpulan tetapi untuk semua orang yang beriman pada setiap zaman dan di setiap tempat di mana masing-masing mengikut agama yang diwajibkan ke atasnya sehingga datang Rasul yang membawa agama yang wajib dipegang oleh seluruh orang yang beriman. Ketiga, pahala dan ganjaran dari sisi Allah SWT akan diberikan kepada semua golongan yang beriman kepada Allah, hari akhirat dan beramal soleh yang tersimpul dalam akidah dan bukannya mengikut bangsa atau kaum.<sup>45</sup> Kesimpulannya, terdapat dua pemikiran Sayyid Qutb melalui kedua-dua ayat di atas, iaitu: Pertama, meninggalkan sikap fanatik bangsa atau kaum atau golongan. Kedua, nilai kesetaraan semua penganut agama dalam perkara ganjaran dan pahala selagimana berpegang kepada agama yang diwajibkan kepada mereka sebelum datangnya Rasulullah SAW.<sup>46</sup>

Kedua-dua pentafsiran sama ada Muhammad Rasyed Reda dan Sayyid Qutb sama-sama menjelaskan tentang kesetaraan dan persamaan penganut semua agama dalam perihal mendapat ganjaran daripada Allah SWT dengan memenuhi tiga syarat di atas iaitu beriman kepada Allah, hari akhirat dan beramal soleh asalkan berpegang pada nabi dan wahyu yang disampaikan kepada mereka. Dalam bahasa Rasyed Reda, tidak disebutkan beriman kepada Nabi SAW kerana ayat ini membincangkan layanan Allah SWT kepada semua kelompok dan umat yang beriman kepada nabi dan wahyu secara khusus. Manakala dalam bahasa Sayyid Qutb berpegang pada agama yang diwajibkan kepada mereka. Namun beliau lebih mengkususkan lagi dengan mengatakan bahawa hal tersebut berlaku sebelum kedatangan Nabi Muhammad SAW yang wajib diimani oleh semua kelompok dan agama. Gambaran perbezaan dan persamaan kedua tokoh dalam membincangkan kedua-dua ayat ini dapat dilihat daripada jadual di bawah ini:

No	Perkara	M. Rasyid Reda	Sayyid Qutb
1	Kesetaraan dan persamaan semua pemeluk agama dalam mendapat ganjaran dengan bersyarat	√	√

<sup>45</sup> Ibid, (vol. 1), p 157, (vol. 4), p. 416.

<sup>46</sup> Sayyid Qutb mengatakan pada ayat 69 surah al-Ma`idah bahawa yang terpenting pada ayat ini adalah nama agama yang terakhir dan Nabi Muhammad SAW merupakan rasul yang terakhir yang semua golongan agama dan kepercayaan dari berbagai bangsa dan negara diseru supaya beriman kepada pengajaran yang dibawa oleh Baginda SAW.

2	Larangan terhadap fanatik	Agama	Bangsa dan suku
3	Bantahan dan kecaman	Angan-angan setiap agama dan hakikat majoriti Yahudi tidak beriman <sup>47</sup>	Dakwaan yahudi sebagai umat terpilih
4	Penjelasan umat yang mendapat ganjaran daripada Allah SWT	Tidak langsung	Langsung
5	Kejelasan untuk beriman kepada Nabi Muhammad SAW	Tidak disebutkan	Menyebutkannya
6	Pengukuhan dengan dalil	Al-Quran dan hadis	Tidak disebutkan
7	Perbahasan susunan kata al-Sabi`in dan al-Sabi`un	Dibahas tentang hikmahnya <sup>48</sup>	Tidak membahaskan

Jadual 5: Persamaan dan perbezaan antara M. Rasyed Reda dan Sayyid Qutb

## 8. Maqasid al-Quran HAMKA

Dalam mentafsirkan kedua-dua ayat tersebut, HAMKA telah mempraktikkan *maqasid al-Quran* yang dinyatakan oleh Muhammad Rasyed Reda dan Sayyid Qutb. Dalam pembinaan toleransi Muhammad Rasyed Reda menegaskan agar keluar daripada *al-jinsiyyah al-diniyyah*. Dalam bahasa HAMKA adalah agama menjadi golongan. Hasil daripada tindakan tersebut maka akan menghasilkan pola pemikiran tentang kesetaraan dan kesamaan. Hal inilah yang menjadi asas utama penjelasan Sayyid Qutb terhadap kedua-dua ayat tersebut iaitu kesetaraan dan persamaan penganut semua agama dalam perihal mendapat ganjaran daripada Allah SWT asalkan memenuhi tiga syarat di atas iaitu beriman kepada Allah, hari akhirat dan beramal soleh. Sikap inilah yang menjadi salah satu asas utama dalam membina kesatuan antara umat melalui perbaikan secara berterusan dan inilah yang menjadi salah satu *maqasid al-Quran* menurut Rasyed Reda bahawa antara *maqasid al-Quran* adalah menjelaskan tentang hal-hal berkenaan tentang kemanusiaan yang harus diperbaiki dari mulai individu, sosial kemasyarakatan dan politik kenegaraan dengan satu kesatuan antar umat dengan tidak memandang ras, agama, bahasa, serta menegaskan

<sup>47</sup> Reda, *Tafsir Al-Manar*. (vol. 6), p. 476-477.

<sup>48</sup> Ibid

keadilan dan membina persaudaraan antara sesama manusia. Namun begitu, HAMKA menjelaskan *maqasid al-Quran* terhadap ayat toleransi yang ada pada kedua-dua ayat di atas lebih luas dan terperinci dengan menyenaraikan beberapa nilai. Antara nilai-nilai tersebut sebagai berikut:

**a. Nilai Kesetaraan**

HAMKA menjelaskan bahawa kedua-dua ayat ini merupakan pemberitahuan tentang kesetaraan umat beragama sama ada yang beragama Islam, Yahudi, Nasrani atau Sabi`in. Beliau mengatakan:

“Ayat ini adalah suatu tuntutan bagi menegakkan jiwa, untuk seluruh orang yang percaya kepada Allah. Baik dia bernama mukmin, atau muslim pemeluk agama Islam, yang telah mengakui kerasulan Muhammad SAW atau orang Yahudi, Nasrani dan Sabi`in. Di sini kita bertemu syarat yang mutlak.” Syarat pertama iaitu beriman kepada Allah dan hari pembalasan yang merupakan inti kepada ajaran dari sekalian agama.”

Beliau mengatakan lagi:

“Syarat pertama tidak cukup, kalau belum dipenuhi dengan syarat kedua iaitu beramal soleh atau berbuat pekerjaan-pekerjaan yang baik yang berfaedah dan bermanfaat baik untuk diri sendiri ataupun untuk masyarakat.”<sup>49</sup>

Kesetaraan pertama ada pada ganjaran yang akan diperolehi daripada Allah melalui bersatunya dua syarat mutlak yang dikongsi oleh semua pemeluk agama. Seandainya semua pemeluk agama mengamalkan kedua syarat maka semua mereka akan mendapat ganjaran daripada Allah SWT.<sup>50</sup> Manakala kesetaraan kedua adalah pada akibat yang akan diperolehi oleh kesemua pemeluk agama iaitu tidak mendapat ganjaran seandainya tidak memenuhi kedua-dua syarat tersebut. Beliau menyimpulkan demikian kerana mengambil *mafhum mukhalafah* (kefahaman sebaliknya) daripada ayat tersebut. Maknanya jikalau semua pemeluk agama mendapat ganjaran kerana memenuhi dua syarat tersebut maka *mafhum mukhalafah*-nya adalah tidak mendapat ganjaran jika tidak memenuhi salah satu dari keduanya. Beliau berkata:

“Meskipun dia telah mengakui beriman kepada Allah (galongan pertama), mengaku beriman mulutnya kepada Nabi Muhammad, maka kalau iman itu

---

<sup>49</sup> HAMKA, *Tafsir Al-Azhar*. (vol. 1), p. 204.

<sup>50</sup> Ibid. (vol. 2), p. 1810.

tidak dibuktikannya dengan amalnya yang sah, tidak ada pekerjaannya yang utama, tidaklah akan diberi ganjaran oleh Tuhan. Demikian juga orang Yahudi...orang Nasrani...dan pemeluk Shabi`in...”<sup>51</sup>

Bukan sahaja tidak mendapat ganjaran daripada Allah SWT, bahkan dalam hal yang demikian sama sahajalah martabat orang Islam itu dengan Yahudi, Nasrani dan Shabi`in.<sup>52</sup> Sebabnya semua pengakuan itu tidak ada faedahnya dan tidak akan membawa hasil apa-apa kalau tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat tetapi tidak diikuti pembuktiannya dengan amalan yang soleh.<sup>53</sup>

## b. Perdamaian

Menurut HAMKA, kedua ayat ini memberitahukan tentang perdamaian, iaitu hidup berdampingan secara damai di antara pemeluk semua agama dalam dunia ini. Untuk mencapai hal tersebut kata HAMKA perlu melakukan beberapa perkara iaitu:

Satu, setiap pemeluk agama tidak menjadikan agama hanya sebagai golongan tetapi dakwah kepada kebenaran. Apabila agama telah menjadi golongan maka akan timbul perkelahian yang akan merosakkan perdamaian. Dalam bahasa M.

---

<sup>51</sup> Ibid. (vol. 1), p. 204-205 .

<sup>52</sup> Ibid. (vol. 6), p. 1811. Menurut pengkaji, pernyataan HAMKA tersebut tidak bermaksud menyamakan secara hakikat kedudukan orang Islam dengan Yahudi, Nasrani dan Sabi`in. Yang dimaksudkan adalah sebagai langkah pencegahan kepada orang Islam yang hanya berbangga dengan agama (agama ic) tetapi tidak mahu mengamalkan apa yang ditaklifkan kepadanya oleh Allah SWT. Seperti katanya: “Iman-pengikutan, Yahudi keturunan, Sabi`in turut-turutan dan Kristein kerana dogma akan segera sirna apabila iman kepada Allah dan amal jasa kepada sesama manusia. Kemudian akan timbul kesatuan dan persatuan seluruh manusia dalam satu agama, iaitu agama yang benar-benar menyerah diri kepada Tuhan: Itulah Islam. Jika Pernyataan tersebut adalah hakiki maka mengikut pandangan yang kerdil ini adalah tidak begitu tepat. Sebabnya adalah kerana seorang yang telah mengucapkan dua kalimah syahadah, setidaknya dia sudah masuk Islam dan Allah akan memberikan balasan yang baik di atas ucapan ketauhidannya di dalam hati walaupun dia pada awalnya akan dimasukkan ke dalam api neraka. Hal ini sangat berbeza dengan ketiga-tiga golongan tersebut. Walaupun mereka beriman kepada kewujudan Allah, hari akhirat dan beramal soleh maka selagimana dia tidak mengucapkan syahadah tetapi masih tetap dalam agamanya maka apabila dia mati dalam keadaan demikian maka kematiannya itu telah membawa kekufurannya sekali. Orang yang kufur akan berada di dalam neraka selama-lamanya. Sudah tentu dua keadaan tersebut adalah berbeza dan tidak mungkin derajatnya adalah sama. Wallahu A`lam.

<sup>53</sup> HAMKA.

Rasyed Reda adalah *jinsiyyah dininiyyah* atau disebut juga dengan agama hanya ada pada IC.

Kedua, Setiap pemeluk agama mesti bertindak zahir dan batin di dalam menurut syarat-syarat tersebut dan bukan hanya di mulut. Dengan begitu tidak akan ada pertelagahan di dunia ini kerana faktor agama.

Ketiga, menghilangkan fanatik buta. Fanatik buta adalah fanatik agama, suku dan kebangsaan yang melampau. Sikap ini akan melahirkan perasaan benci dan dendam kepada agama lain di dalam pergaulan. Efek dari fanatik yang melampau kata HAMKA, keimanannya telah bertukar kepada cemburu sehingga muncul anggapan bahawa orang yang tidak seagama dengan kita adalah musuh kita. Bahkan ada yang sampai bersikap agresif, menyerang, menghina dan menyiarkan propaganda agama mereka dan kepercayaan yang tidak sesuai ke dalam daerah negeri yang telah memeluk suatu agama.<sup>54</sup>

### c. Persatuan.

Dalam pemikiran HAMKA, ayat ini juga menganjurkan persatuan agama.<sup>55</sup> Untuk mencapai persatuan tersebut pemeluk agama tidak menjadikan agama sebagai suatu golongan tetapi hendaklah selalu menyiapkan jiwa dan dengan otak dingin untuk mencari hakikat kebenaran iaitu beriman kepada Allah dan hari akhirat yang diikuti oleh amal yang soleh. Menjadikan agama sesuatu golongan adalah golongan yang ada agama tetapi tidak beragama iaitu yang tidak mengamalkan agamanya. Jikalau setiap penganut agama mengamalkan ajarannya dengan baik yang akan lahir adalah sikap damai dalam pergaulan.

### d. Sikap Tamak dan Haloba.

Dunia moden ini telah dipenuhi dengan tamak haloba yang akan menyebabkan timbul perang besar dan senjata-senjata pemusnah. Peranan setiap pemeluk agama adalah sama-sama mencipta kebenaran dengan mencari dasar kepercayaan kepada Allah dan hari akhirat, serta membuktikannya dengan amal yang soleh, bukan amal yang merusak.<sup>56</sup> Selain itu, ayat ini menjadi penawarnya melalui sikap toleransi dan berlapang dada dan ianya hanya terdapat di dalam al-Quran.

---

<sup>54</sup> Ibid. (vol.1), p. 205-206.

<sup>55</sup> Maksudnya adalah ajakan untuk bersatu walaupun berbeza agama dan keyakinan.

<sup>56</sup> HAMKA. *Tafsir Al-Azhar* (vol. 1), p. 206.

HAMKA mengatakan lagi bahawa apabila telah bersatu mencari kebenaran dan kepercayaan, maka pemeluk segala agama itu akhir kelaknya pasti bertemu pada satu titik kebenaran. Ciri yang khas dari titik kebenaran itu adalah menyerah diri dengan penuh keikhlasan kepada Allah yang Satu, itulah tauhid, itulah ikhlas, dan itulah Islam dan orang Islam sendiri hendaklah menjadi Islam yang sebenarnya, bukan hanya iman dalam pengakuan tetapi tidak dibuktikan dengan amalan. Seandainya iman itu sebatas pada pengakuan sahaja tanpa amalan maka Islam yang semacam itu sama sahaja dengan Yahudi, Nasrani dan Shabi'in.<sup>57</sup>

#### e. Dakwah

Selain itu, HAMKA menjelaskan bahawa ayat ini mengandungi pesan dakwah iaitu dakwah kepada Bani Israil agar mereka befikir.<sup>58</sup> Seruan dakwah tersebut terlihat pada pernyataan beliau:

“Perlainan cara sembahyang atau cara ibadat adalah hal yang lumrah bagi berbagai ragam pemeluk agama, kerana syariat berubah sebab perubahan zaman. Tetapi manusia tidak boleh membeku di satu tempat, dengan tidak mahu menambah penyelidikannya, sehingga bertemu dengan hakikat yang sejati, lalu menyerah kepada Tuhan dengan sebulat hati. Menyerah dengan hati puas. Itulah Islam.<sup>59</sup> Islam selalu membahaskan mereka dengan hormat iaitu Ahli Kitab – pemegang kitab-kitab suci, dan kedatangan mereka sentiasa ditunggu. Bukan dengan paksaan.”<sup>60</sup>

*Maqasid al-Quran* model HAMKA tentang toleransi yang terdapat pada kedua ayat iaitu 62 dari surah al-Baqarah dan 69 dari surah al-Ma'idah mengandungi beberapa nilai yang dapat dilihat melalui jadual di bawah ini:

---

<sup>57</sup> Ibid. (vol. 1), p. 207.

<sup>58</sup> Ibid. (vol. 1), p. 210.

<sup>59</sup> Ibid. (vol. 1), p.208.

<sup>60</sup> Ibid. (vol. 1), p. 210.





Jadual: 6: Maqasid al-Quran Model Kontemporari HAMKA

9. Kesimpulannya

1. Penerangan HAMKA terhadap ayat 62 surah al-Baqarah dan ayat 69 surah al-Ma'idah bertepatan dengan ciri-ciri khas surah Madaniyyah yang beliau kemukakan iaitu pembinaan nilai perdamaian dan persatuan dalam masyarakat yang memiliki kepelbagaian budaya atau dalam masyarakat majmuk.
2. Wujud persamaan dalam gaya penerangan HAMKA dengan penerangan dan pentafsiran Rasyed Reda dan Sayyid Qutb dan hal ini membuktikan kesahihan pengaruh keduanya dalam pentafsiran HAMKA. Namun penerangan HAMKA lebih luas dan disesuaikan dengan sosial lokal beliau berbanding dengan keduanya yang bersikap general.
3. Terdapat lima Maqasid yang terkandung dalam surah al-Baqarah ayat 62 dan surah al-Ma'idah ayat 69, iaitu: kesetaraan, persatuan, perdamaian, menghindari tamak dan haloba serta dakwah. Kelima-lima maqasid ini merupakan nilai-nilai Toleransi yang perlu diaplikasikan oleh setiap lapisan masyarakat.
4. Model *Maqasid al-Quran* yang diaplikasikan oleh HAMKA dalam menerangkan kedua-dua ayat tersebut adalah model *Maqasid al-Quran* klasik dan kontemporari. *Maqasid al-Quran* model ulama klasik adalah seruan HAMKA kepada pemeluk semua agama untuk mencari hakikat kebenaran yang satu iaitu Tauhid. Manakala *Maqasid al-Quran* model ulama kontemporari adalah melalui penerangannya tentang nilai-nilai perdamaian dan persatuan yang perlu dibina oleh masyarakat majmuk sepertimana *Maqasid al-Quran* M. Rasyed Reda dan Abd al-Karim al-

Hamidiy. Namun begitu *Maqasid al-Quran* model kontemporer lebih terserlah berbanding *Maqasid al-Quran* model klasik.

5. HAMKA memasukkan dakwah sebagai salah satu *maqasid al-Quran* merupakan indikator bahawa beliau banyak terjun dan aktif dalam bidang dakwah, organisasi, politik dan kemasyarakatan.

## RUJUKAN:

- A. Shomad, Bukhori. (2013). Tafsir Al-Qur'an & Dinamika Sosial Politik (Studi Terhadap Tafsir Al-Azhar Karya HAMKA). *Jurnal TAPIS*, 9(2), 86–100.
- Abadiy, Majd al-Din Muhammad bin Ya'qub al-Fairuz. (2005). *Al-Mu'jam Al-Wasit*. Edited by Muhammad Na'im al-'Arafsusiy. (8<sup>th</sup> ed). Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Asfihani. Abi al-Qasim al-Husayn bin Muhammad al-Ragib. (2001). *Al-Mufradat Fi Garib Al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Ma'rifah,
- Al-Murtada, Muhammad bin Muhammad bin 'Abd al-Razzaq al-Husayniy. (2008). *Tajul Al-'Arus Min Jawahir Al-Qamus*. Kuwait: Dar al-Hidayah.
- Al-Razi, Abu 'Abdillah Muhammad bin 'Umar bin al-Hasan bin al-Husayn al-Timiy. (1999). *Mafatih Al-Ghaib*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- 'Awdah, Munzir Mazin. (2018). Al-Maqasid Al-Qura'aniyyah Fi Kutub Al-Tafsir. *Usul Al-Din Wa Al-Da'wah*, 36(1).
- Daud, Ilyas. (2020) Quranic Exegesis as Social Criticism: The Case of Tafsir Al-Azhâr. *ULUL ALBAB Jurnal Studi Islam*, 21(1), 24. <https://doi.org/10.18860/ua.v21i1.7828>.
- Fawaid, Ah. (2017) Maqasid Al-Qur'an Dalam Ayat Kebebasan Beragama Menurut Penafsiran Thaha Jabir Al-'Alwani. *Madania*, 21(2), 113–26.
- HAMKA. (1987). *Tafsir Al-Azhar*. (1<sup>st</sup> ed). Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Ibn Manzûr, Muhammad bin Mukram bin 'Ali Jamal al-Din. (1993) *Lisân Al-'Arab*. (3<sup>rd</sup> ed). Beirut: Dar Sadir.
- Imron Al Faruq, Suharjianto. (2019). Kepemimpinan Non-Muslim Dalam Tafsir Al Azhar Karya Buya HAMKA. *SUHUF*, 31(1), 75–88.
- Moh Mufis Muwafiq. (2019). Penafsiran HAMKA Tentang Ayat Kemajemukan Dalam Tafsir Al-Azhar. *Mutawâtir: Jurnal Keilmuan Tafsir Hadis*, 9(1), 109–24.
- Mufid, Abdul. (2019). Maqasid Al-Qur'an Perspektif Muhammad Al-Ghazali. *Al-Bayan: Studi Al-Qur'an Dan Tafsir*, 4(2), 118–32.
- Muhammad bin Abdullah Daraz. (2005). *Al-Naba' Al-'Azîm*. Edited by 'Abdul al-'Azim Ibrahim al-Mut'iniy. Beirut: Dar al-Qalam li al-Nasys wa al-Tauzi'.

- Muhammad bin Mustafa bin 'Ali Mansur. (2020). *Maqasid Al-Quran Fi Al-Tafsir - Basa'ir Dhawi Al-Tamyiz Fi Lata'if Al-Kitab Al-'Aziz. Journals.Ekb.Eg.*
- Munawan, M. (2018) Critical Discourse Analysis Dalam Kajian Tafsir Alquran : Studi Tafsir Al-Azhar Karya HAMKA. *TAJDID*, 25(2). 155–70.
- Naswhan Abdo K. Qaid & Radwan J. el-Atrash. (2013). Al-Tafsir Al-Maqasidiy: Isykaliyyah Al-Ta`rif Wa Al-Khasa`is. *QURANICA - International Journal of Quranic Research*, 5(3). 129–44.
- Nizam al-Din al-Hasan bin Muhamamd al-Nisaburiy. (1995). *Ghara`ib Al-Quran Wa Raghayb`ib Al-Furqan*. Edited by Al-Syeikh Zakariya 'Umayrat. (1<sup>st</sup> ed). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ratnah Umar. (2015) Tafsir Al-Azhar Metode Dan Corak Penafsirannya. *Jurnal Al-Asas*, 3(1).
- Reda, Muhammad Rasyed. (n.d.). *Tafsir Al-Manar*. (2<sup>nd</sup> ed). Damsyik: Dar al-Fikr li Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Salamah, Ummu. (2019). *Maqasid Al-Quran Perspektif Badi' Al-Zaman Sa'id Al-Nursi*. Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya.
- Saleh, Subhi. (2011). *Mabahith Fi 'Ulum Al-Quran*. Beirut: Dar al-'Ilmu li al-Malayin.
- Sayyid Qutb. (2000). *Fi Zilal Al-Quran*. (1<sup>st</sup> ed). Kuala Lumpur: Penerbitan Warisan Sdn Bhd.
- Syuhbah, Muhammad bin Muhammad bin Suwaylim Abu. (2003). *Al-Madkhal Li Dirasah Al-Quran Al-Karim*. (2<sup>nd</sup> ed). Kaherah: Maktabah al-Sunnah.
- Taha Jabir al-Alwaniy. (2003). *Qadaya Islamiyyah Mu'asarah: Al-Tawhid Wa Al-Tazkiyyah Wa Al-'Umran*. Beirut: Dar al-Hadiy.
- Tazul Islam. (2012). The Concept of Maqasid Al-Qur'an: Its Genesis And Developments. In *Proceedings: The 2nd Annual International Qur'anic Conference 2012*, 9–24. Kuala Lumpur: Center of Qur'anic Research (CQR).
- 'Umar, Ahmad Mukhtar 'Abd al-Hamind. (2008). *Mu'jam Al-Lughah Al-'Arabooyyah Al-Mu'asarah*. (1<sup>st</sup> ed). al-Riyadh: 'Alim al-Kutub.
- Wahyudi, Muhammad. (2019). Kepemimpinan Non-Muslim: Penafsiran Surat Al-Maidah Ayat 51 Dalam Tafsir Al-Azhar Dan Tafsir Al-Mishbah. *Progresiva: Jurnal Pemikiran Dan Pendidikan Islam*, 7(2). <https://doi.org/10.22219/progresiva.v7i2.13980>.
- Zawiyah Baba & Zuraidah Hassan. (2014). Analisis Bibliografi Karya HAMKA Dalam Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 2(1). 93–101.
- “لفظ قصد في القرآن الكريم - موقع مقالات إسلام ويب” Accessed September 26, 2021. <https://www.islamweb.net/ar/article/211567/القرآن-في-اللفظ-قصد>